



PIALA CANCELOR



PERSAINGAN SENGIT DI KEJOHANAN GOLF PIALA CANCELOR

27 November 2010: Tahun 2010 sememangnya amat signifikan kepada seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang meraikan ulang tahun kesepuluh penubuhannya. Bersempena dengan sambutan tersebut, pihak universiti telah menganjurkan satu kejohanan sukan yang berprestij iaitu Kejohanan Golf Piala Canselor UTeM yang telah berlangsung di Orna Golf & Country Club Ayer Keroh Melaka.

Dalam kejohanan ini, Canselor UTeM iaitu Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob antara kenamaan utama yang turut sama mempamerkan kehandalan dalam arena sukan yang sentiasa diminati dan diikuti ramai ini. Menambahkan lagi kehangatan merebut piala ini, pihak universiti telah menjemput ramai peserta daripada pihak luar yang terdiri daripada individu daripada syarikat korporat dan swasta yang mempunyai jalinan hubungan erat dengan UTeM.

Barisan pemain UTeM telah diketuai sendiri oleh Naib Canselor UTeM iaitu Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Bin Hassan serta beberapa pegawai kanan dan juga staf UTeM. Antara tetamu kenamaan lain yang turut serta ialah Pengarang Kumpulan Berita dan Hal Ehwal Semasa TV7, TV8, TV9 dan Rangkaian Radio Kumpulan Media Prima, Datuk Manja Ismail serta Ahli Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Abd. Rahman Saad.

Selain daripada peserta syarikat korporat dan swasta, kejohanan kali ini turut menampilkan pihak pengamal media yang terdiri daripada lebih 30 orang pemain yang diwakili oleh pihak Media Prima, Radio Televisyen Malaysia (RTM), Utusan Malaysia, Kosmo, Kumpulan New Straits Time Press (NSTP) yang terdiri daripada Berita Harian, Harian Metro, New Straits Times dan seterusnya Sinar Harian dan Bernama.

Antara objektif diadakan penganjuran Kejohanan Golf Piala Canselor UTeM ini adalah kerana ia merupakan satu medium atau platform yang boleh mengeratkan dan memperkukuhkan lagi kerjasama di antara pihak UTeM dengan pihak media yang secara berterusan dan pada masa yang sama bagi menzahirkan penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada pihak UTeM selama ini.

Keputusan kejohanan Golf Piala canselor UTeM telah mencatat sejarah yang tersendiri dengan pemenang di tempat ketiga telah dimenangi oleh En Isa Mohd Dom manakala naib johan telah menjadi milik Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob dan johan piala Canselor UTeM telah dirangkul oleh En Ahmad Zahrani Yusof Omar.



BERITA
MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI

selamat
baru
LG
173
.M44
.B47
2010
a
Nov

KANDUNGAN

Persaingan Sengit di Kejohanan Golf Piala Canselor UTeM | Pertemuan Empat Naib Canselor IPTA Teknikal Lakar Sejarah | Anugerah Akademik Universiti (AAU) Raikan Kecemerlangan Modal Insan UTeM | UTeM Menjalin Kerjasama Industri Dengan Western Digital | UTeM Terima Lawatan Antarabangsa Dari SMA Muhammadiyah 1 Yogyakarta, Indonesia | Lawatan Universitas Bina Darma Ke UTeM | UTeM Merangka Kerjasama Industri Dengan Honda Malaysia | UTeM Johan Kategori Komuniti Di Peringkat Akhir Karnival Malaysia Inovatif 2010 | Penyelidik UTeM Menang Empat Pingat Emas Di Innova 2010, Belgium | TYT Tun Canselor Raikan Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM | UTeM Jalin Kerjasama Strategik Dengan Universiti Penyelidikan | Pelancaran Sambutan 10 Tahun UTeM Pancar Kegemilangan UTeM | Staf UTeM Hayati Ibadah Korban | PINTAR Siri 6 - Pejabat Pendaftar Tekad Jadi Cemerlang | UTeM Terima Lawatan Keserakanan PSPTN | Perkongsian Ilmu Universiti-Industri Oleh Dr. Hermann Brandt Di UTeM | Berita Kelahiran & Perkahwinan | Gambar-gambar Golf | Personaliti Pilihan





ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI (AAU) RAIKAN KECEMERLANGAN AHLI AKADEMIK UTeM



Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff

PENOLONG KETUA EDITOR :

Faradila Binti Md. Yusof

WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Suria Binti Abdul Rahman
Zaffaruddin Bin Hamzah
Morhayati Binti Yakob

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Bob Faizeli Bin Mohamed Din
Al Rohaiya Binti Adanan
Rabea'tul Adawiyah Binti Zakariah

URUS SETIA :

Azlinah Binti Ajis
Nor'Emylia Binti Mohamed

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my



2 November 2010 – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Anugerah Akademik Universiti (AAU) yang merupakan pengiktirafan berprestij terhadap ahli-ahli akademik peringkat universiti. Pada majlis yang penuh gilang gemilang itu, sebanyak enam anugerah telah disampaikan kepada ahli-ahli akademik UTeM yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam beberapa aspek seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan.

Majlis telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan. Dalam ucapannya, Datuk Dr. Ahmad Yusoff mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penerima anugerah dan berharap agar majlis tersebut menjadi pendorong, penggerak dan pembakar semangat untuk ahli-ahli akademik di dalam menjana kecemerlangan yang berterusan.

Antara penerima anugerah di majlis tersebut ialah Prof. Madya Dr. Hanipah binti Hussin dari Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI) yang meraih Anugerah Pengajaran, Mohamad Zoinol Abidin bin Abdul Aziz dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) merangkul Anugerah Penyelidikan dan Ir. Sivarao A/L Subramonian dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) menerima Anugerah Penerbitan Jurnal.

Sementara itu, Mohd Riduan bin Ahmad dari FKEKK menerima Anugerah Penerbitan Buku manakala Prof. Madya Dr. Sazilah binti Salam dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) meraih Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk.

Bagi Anugerah Khas yang bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada ahli-ahli akademik yang telah memberi impak besar kepada universiti telah dianugerahkan kepada Mohd Rizal bin Alkalahari dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang mengetuai projek 'Fire Fighting Machine', iaitu mesin pemadam kebakaran secara kawalan jauh yang telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

11 November 2010: Empat Naib Canselor dari Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) IPTA Teknikal, telah mengadakan pertemuan bagi membincangkan hala tuju Universiti MTUN dan seterusnya memuktamadkan penyediaan dokumen perbincangan yang akan dibentangkan kepada Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bertempat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Pertemuan dan perbincangan tersebut adalah bagi mengemukakan cadangan hala tuju Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) berserta cabaran dan situasi semasa yang dihadapi di dalam memperkasakan pendidikan tinggi teknikal di Malaysia serta menjelaskan implikasinya.

Seimbias lalu, rangkaian Universiti Teknikal telah diwujudkan secara bersama dengan kerjasama melibatkan empat universiti teknikal awam, iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi Hussain Onn (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Melalui mesyuarat khas yang mengambil masa selama empat jam, beberapa syor utama yang mendukung kejayaan membina sebuah Universiti Teknikal yang menepati hasrat yang telah diamanatkan oleh Negara telah pun dipersetujui bersama. Dengan terhasilnya dokumen yang menghimpunkan cadangan-cadangan bagi menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran di semua universiti teknikal Malaysia ini diharapkan memberikan nilai tambah kepada industri berteknologi tinggi negara.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut adalah pegawai-pegawai kanan MTUN dan sekretariat khas yang ditubuhkan bagi membantu menyediakan dokumen tersebut. Dokumen tersebut telah diserahkan kepada Menteri Pengajian Tinggi pada 24 November 2010 dan mendapat maklum balas yang baik dari beliau.

PERTEMUAN EMPAT NAIB CANSOLOR MTUN LAKAR SEJARAH



UTeM Menjalinkan Kerjasama Industri dengan Western Digital

24 November 2010: Mesyuarat antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Western Digital (WD) telah diadakan baru – baru ini bertempat di Petaling Jaya Selangor. Objektif utama mesyuarat ini adalah untuk menjalinkan kerjasama industri antara UTeM dan WD.

Sesi perkenalan telah diadakan bagi memperkenalkan barisan wakil-wakil dari UTeM dan WD. Antara wakil-wakil UTeM yang hadir dalam mesyuarat kerjasama industri adalah Prof. Madya Muhammad Syahrir bin Johal, Prof. Madya Tan Kim See, Dr. Lim Kim Chuan, Dr. Kok Swee Leong, Dr. Soo Yew Guan, Dr Badrul Hisham bin Ahmad, En Hamzah Asyrani bin Sulaiman, Dr Hamzah bin Sakidin, En Anuar, Dr Chong Shin Horng, Dr Mohd Warikh bin Abd Rashid, Dr Tay Choo Chuan, Prof. Madya Dr Chong Kuan Eng dan En. Mohd Amin bin Mohamad.

Lawatan dan mesyuarat yang diadakan ini adalah susulan kepada Memorandum Perjanjian yang telah ditandatangani antara kedua-dua pihak baru-baru ini. Dijangka banyak lagi aktiviti yang akan dianjurkan bersama agar kerjasama yang terjalin akan menjadi lebih efektif dan memberikan hasil yang memberangsangkan untuk kedua-dua pihak.



UTeM Merangka Kerjasama Industri dengan HONDA MALAYSIA

22 November 2010: Rombongan daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan lawatan ke Kilang Honda di Kawasan Perindustrian Pegoh Alor Gajah Melaka. Tujuan lawatan ini bagi menjalinkan hubungan dua hala yang lebih strategik dan berfokus dalam pengaplikasian kesemua disiplin kejuruteraan, ICT dan Pengurusan Teknologi yang ditawarkan oleh UTeM.

Pihak UTeM diketuai oleh Pengarah Pusat Jaringan Industri & Komuniti (ICNet), Prof. Madya Dr Chong Kuan Eng serta 30 orang lagi kakitangan akademik dan pentadbiran yang mewakili kesemua fakulti di UTeM. Rombongan delegasi UTeM telah disambut oleh pihak pengurusan atasan kilang Honda yang diketuai sendiri oleh Pengarah Urusannya iaitu Encik Azminuddin serta beberapa orang pegawai yang berkenaan. Keramahan dan layanan mesra pihak Honda menggambarkan bahawa mereka sememangnya bersedia untuk mula merangka kerjasama yang lebih dinamik serta progresif.

Antara objektif lawatan ini adalah untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala yang sudah mula terbentuk sebelumnya dan berharap akan diterjemahkan kepada pemeteraian di meja perundingan dengan menandatangani memorandum persefahaman bersama.



LAWATAN UNIVERSITAS BINA DARMA ke UTeM

25 November 2010 : Satu rombongan dari Universitas Bina Darma (UBD), Palembang telah berkunjung ke UTeM bagi melihat sendiri kemudahan dan suasana Kampus Induk. Delegasi tersebut terdiri daripada 40 orang pelajar serta empat pegawai pengiring dari universiti tersebut.

Taklimat mengenai bidang pengajian yang terdapat di UTeM telah disampaikan oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa, Prof. Dr. Nanna Suryana Herma di Auditorium Bangunan Canselori. Para pelajar yang menyertai lawatan tersebut amat kagum terhadap kemudahan yang disediakan serta tertarik dengan bidang pengajian yang disediakan di sini. Rombongan kemudiannya menuju ke Kampus Bandar bagi melihat dengan lebih jelas amalan pembelajaran yang diamalkan di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT). Di sana, delegasi UBD telah disambut oleh Dekan FPTT, Dr. Md Nor Hayati bin Tahir.



UTeM TERIMA LAWATAN ANTARABANGSA dari SMA Muhammadiyah 1 Yogyakarta, Indonesia

10 November 2010: UTeM telah menerima lawatan seramai 60 orang pelajar dari SMA Muhammadiyah 1 Yogyakarta, Indonesia. Sekolah SMA Muhammadiyah 1 Yogyakarta adalah sekolah swasta yang terbesar di Yogyakarta dan ianya adalah di bawah pengurusan Organisasi Muhammadiyah iaitu organisasi Islam yang kedua terbesar di Indonesia. Sekolah ini adalah sebuah sekolah Islam yang berkonsepkan Pendidikan Muhammadiyah.

Objektif lawatan ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk mendapatkan informasi yang terperinci tentang struktur pendidikan dan panduan permohonan kemasukan ke UTeM. Dengan adanya informasi sebegini, secara tidak langsung para pelajar dapat mengetahui apa kehendak dan keperluan yang diperlukan untuk menyambung pengajian mereka serta menjadikan UTeM sebagai Universiti pilihan mereka.



UTeM JOHAN KATEGORI KOMUNITI

Di Peringkat Akhir Karnival Malaysia Inovatif 2010

26 November 2010: Karnival Malaysia Inovatif 2010 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berlangsung di Bukit Jalil baru-baru ini menyaksikan keunggulan produk inovasi yang dinamakan "Super Energy Saving Locking System (SES-LOCK)" yang dicipta oleh penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) apabila merangkul anugerah bagi kategori Komuniti.

Produk yang berteraskan teknologi hijau hasil penyelidikan Ir. Sivarao Subramonian telah berjaya menarik perhatian juri di karnival tersebut dan seterusnya diumumkan sebagai pemenang. Produk yang dibangunkan oleh Sivarao itu merupakan sistem kunci pintu bermagnet yang menjimatkan hampir 90% penggunaan elektrik berbanding sistem yang sedia ada.

Pertandingan inovasi peringkat kebangsaan itu menyaksikan penyertaan finalis daripada lima zon iaitu zon tengah, utara, selatan, timur serta zon Sabah Sarawak. SES-LOCK merupakan pemenang kategori Komuniti Peringkat Zon Tengah apabila menewaskan cabaran produk-produk yang dipertandingkan pada Karnival Malaysia Inovatif yang diadakan di MITC Melaka pada 13-14 November lalu.

Hadir pada kemuncak majlis tersebut ialah YAB Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak yang diiringi oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi YB Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili. Dalam ucapan Perdana Menteri pada majlis tersebut, beliau menyeru seluruh rakyat Malaysia agar menjadikan inovasi sebagai sumber kekayaan baru negara. YAB Perdana Menteri seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Sivarao yang memenangi kategori Komuniti menerima hadiah wang tunai sebanyak RM 5,000 beserta piala.



PENYELIDIK UTeM MENANG 4 PINGAT EMAS DI INNOVA 2010, BELGIUM

18 – 21 November 2010: Keunikan serta kecanggihan produk sekumpulan penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menarik perhatian juri antarabangsa dan seterusnya meraih empat pingat emas di "World Exhibition on Innovation, Research and New Technologies (INNOVA) 2010" di Brussels, Belgium baru-baru ini.

Sebanyak enam produk penyelidikan telah menyertai pertandingan tersebut dan kesemuanya telah berjaya memperoleh pingat iaitu empat emas, satu perak dan satu gangsa. Pingat emas UTeM telah diraih oleh Mazran bin Esro, Engr. Sivakumar a/l Subramaniam, Mohamad Zoinol Abidin bin Abd. Aziz dan Ir. Sivarao a/l Subramonian manakala Sulaiman bin Sabikan memperoleh pingat perak dan Masjuri bin Musa mendapat gangsa.

Menurut Sivakumar selaku ketua pasukan penyelidik UTeM ke INNOVA 2010, kesemua produk yang dipertandingkan mempunyai nilai komersil yang tinggi dan telah mendapat banyak pengiktirafan melalui pertandingan-pertandingan inovasi di dalam dan luar negara. Katanya lagi, kesemua produk penyelidikan yang dibawa



ke Brussels telah menjalani penambahbaikan daripada pelbagai aspek bagi memastikan fungsi dan keupayaan produk tersebut berada dalam keadaan yang terbaik.

"Cabaran yang diberikan oleh peserta negara lain terutama sekali dari Eropah amat sengit, namun keunikan inovasi yang dihasilkan oleh penyelidik UTeM berjaya memikat barisan juri yang terdiri daripada tokoh-tokoh penyelidikan antarabangsa" ujar Sivakumar.

Kejayaan UTeM di Brussels merupakan satu pencapaian yang seharusnya dibanggakan kerana konsep pendidikan teknikal secara bersepadu yang diamalkan telah berjaya melonjakkan nama Malaysia sebaris dengan negara-negara Eropah. INNOVA 2010 menghimpunkan kira-kira 500 produk penyelidikan dari 30 negara menampilkan penyertaan agensi-agensi penyelidikan antarabangsa antaranya Russia, Romania, Perancis serta Jerman. Manakala Malaysia, China dan Iran merupakan antara negara Asia yang menyertai pertandingan kali ini.

TYT Tun Canselor Raikan Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

26 November 2010: Patah tumbuh hilang berganti satu perumpamaan yang selalu menjadi sebutan ramai namun yang pergi tetap akan dikenang kerana selautan jasa yang telah tercurah akan tetap dihargai dan disanjung selamanya. Bagi menghargai jasa, sumbangan dan meraikan Mantan Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) maka Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melangsungkan sebuah iaitu Majlis Jasa Mu Dikenang.

Majlis Jasa Mu Dikenang ini telah diadakan di salah sebuah hotel lima bintang di Melaka baru-baru ini. Majlis ini telah dikhaskan kepada Mantan Pengarah LPU iaitu Dato' Dr. Mohd Taib Hashim serta dua orang lagi mantan ahli LPU iaitu Datuk Hajah Hazizah Mohd Sultan dan Encik Zamzuri Abdul Aziz.

Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob, Pro Canselor UTeM, Tan Sri Datuk Dr Johari Mat, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta barisan pegawai kanan dan sebahagian kakitangan UTeM.

Dato' Dr Mohd Taib iaitu mantan Pengarah LPU telah mula berkhidmat dengan UTeM bermula pada Jun 2008 hingga Mei 2010. Manakala dua mantan ahli LPU yang lain iaitu Datuk Hajah Hazizah telah berkhidmat dari Ogos 2006 hingga Disember 2009 dan Encik Zamzuri pula bermula dari Januari 2007 hingga Januari 2009.

Antara pengisian dalam majlis ini ialah persembahan video klip atau montaj, ucapan daripada mantan Pengerusi LPU serta acara pemberian cenderahati daripada pihak UTeM pihak yang diraikan sebagai tanda penghargaan atas sumbangan bakti mereka selama bersama UTeM sebelum ini.



UTeM Jalin Kerjasama Strategik Dengan Universiti Penyelidikan

11 November 2010: Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menjalinkan kerjasama dengan Universiti Penyelidikan yang terkemuka iaitu Universiti Malaya (UM). Jalinan kerjasama ini telah termeterai melalui majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara kedua-dua buah universiti di Kampus Induk UTeM Durian Tunggal hari ini.

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan dan Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa Dato' Prof Dr Mohd Nor Husain manakala UM pula diwakili oleh Naib Canselornya Profesor Datuk Dr Ghauth Jasmon dan Pengarah UMPEDAC Prof Dr Nasrudin Abd Rahim.

Kerjasama ini tertumpu kepada usaha UTeM melalui Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) untuk memastikan pendidikan dan penyelidikan yang lestari dan mengembangkan persekitaran pendidikan & penyelidikan yang sedia ada dengan mengembangkan peranan dalam menerajui kepakaran melalui bidang elektronik kuasa, pemacu, automasi & kawalan menerusi pelbagai kaedah.

Dengan terbentuknya jalinan dan perkongsian antara UTeM dan UM ini semestinya akan membawa kebaikan dan keunggulan penyelidikan yang lebih strategik di dalam melonjakkan keupayaan, daya saing dan kelestarian universiti serta pengiktirafan dalam pendidikan dan penyelidikan yang bertaraf dunia.





Pelancaran Sambutan 10 Tahun UTeM

Pancar Kegemilangan UTeM

3 November 2010: Bermula dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) pada 1 Disember 2000 seterusnya dijenamakan semula menjadi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 1 Februari 2007, UTeM terus mengorak langkah maju ke hadapan mencipta kecemerlangan dan kegemilangan dalam dunia pengajian tinggi dan penghasilan inovasi penyelidikan yang berteknologi tinggi dan berdaya saing di dalam dan luar negara hingga kini yang telah genap sedekad kegemilangannya.

Untuk itu UTeM telah menganjurkan Majlis Perutusan Khas Naib Canselor & Pelancaran Sambutan 10 tahun UTeM di Dewan Besar Kampus Induk Durian Tunggal hari ini. Majlis ini telah dihadiri oleh barisan pegawai kanan dan juga para kakitangan UTeM yang terdiri daripada pelbagai peringkat jawatan dan skim staf akademik dan juga bukan akademik.

Majlis bermula seawal jam 8.00 pagi dengan nyanyian lagu Negaraku dan UTeM. Seterusnya ialah penyampaian Perutusan Khas oleh Naib Canselor UTeM sebelum diakhiri dengan Pelancaran Sambutan 10 Tahun UTeM yang bertemakan Sedekad Kegemilangan.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan menyatakan perasaan bersyukur dan gembira beliau di atas pelbagai kejayaan yang berjaya dilakar UTeM di kala usia mencecah sedekad ini. Walaupun baru sepuluh tahun, banyak yang telah dikecapi oleh UTeM sehingga ia mampu bergerak setanding dengan universiti-gah yang lain. Namun beliau mengingatkan seluruh warga universiti agar dapat menghayati visi dan misi universiti dengan lebih baik agar ia dapat dicapai secara lebih efektif dan berintegriti.

Menurut beliau, kejayaan yang diperoleh hari ini bukanlah suatu jaminan untuk kemudahan yang berterusan oleh itu beliau mahu semua agar berubah untuk lebih baik. Perubahan yang berlaku ini hendaklah dilakukan secara menyeluruh kerana sebagai satu pasukan semua pihak mempunyai peranan masing-masing di dalam organisasi.

Sebelum mengakhiri perutusan beliau, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff telah mengungkapkan serangkap pantun yang mempunyai maksud yang amat mendalam

Tugas menjana modal insan, Dengan ilmu universiti bestari,
Inovasi penentu strategi berkesan, Pemacu kegemilangan pembangunan lestari.



18 November 2010: Seramai 40 orang sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bergotong royong melaksanakan ibadah korban yang diadakan di perkarangan Masjid UTeM di Kampus Induk Durian Tunggal hari ini.

Menurut Pengarah Pusat Islam UTeM Dr. Radzuan bin Nordin, sebanyak tiga ekor lembu dikorbankan pada tahun ini, dua ekor adalah hasil penyertaan staf manakala seekor lagi adalah sumbangan Yang DiPertua Negeri Melaka Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob yang juga Canselor UTeM.

“Secara keseluruhan, majlis yang diadakan pada hari ini berjalan lancar dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada staf universiti. Kita jangkakan program ini tamat pada jam 12.30 tengahari, namun ianya dapat diselesaikan pada jam 10.30 pagi tadi iaitu dua jam lebih awal. Ini adalah hasil kerjasama erat serta penghayatan ibadah korban yang ditunjukkan oleh para sukarelawan bertugas” kata Dr. Radzuan apabila ditanya mengenai sambutan daripada staf terlibat.

Pada tahun ini Pusat Islam UTeM telah mengedarkan kupon sumbangan daging korban kepada 320 penerima yang layak di kalangan staf universiti ini. Majlis penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin yang juga Penasihat Jawatankuasa Masjid UTeM.

Staf UTeM Hayati IBADAH KORBAN



PROGRAM PINTAR SIRI 6/2010 PEJABAT PENDAFTAR TEKAD JADI CEMERLANG

Pada 12 hingga 14 November lalu, tibalah giliran Pejabat Pendaftar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengikuti Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) siri 6 yang telah diadakan di Permaisuri Resort, Port Dickson. Program anjuran Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) ini telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada warga kerja Pejabat Pendaftar yang diketuai oleh Encik Hasan bin Sirun.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan telah menyempurnakan majlis pembukaan program tersebut yang menyasarkan matlamat melahirkan warga UTeM yang berfikiran strategik, kreatif, semangat berpasukan dan memiliki sifat terpuji.

Sepanjang tiga hari program berlangsung, peserta telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang mampu memberi perspektif baru dalam menjalankan tugas harian. Aktiviti berkumpul sama ada indoor dan outdoor telah menyemarakkan semangat berpasukan yang tinggi di kalangan peserta. Turut diadakan aktiviti kerohanian yang dipimpin oleh Ustaz Long bin Kechik.



UTeM Terima Lawatan Keserakanan PSPTN

12 November 2010 – Satu Lawatan Semakan Keserakanan (Peer Review) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Siri 2 telah diadakan pada 11 dan 12 November 2010 bertempat di Kampus Induk Durian Tunggal, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Lawatan dilakukan oleh tiga orang pegawai daripada Pejabat Pengurusan Program (PMO), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Panel yang diketuai oleh Cik Norina Jamaludin telah membuat semakan sepuluh Projek Agenda Kritikal (CAP) iaitu CAP Akademia-Industri, Penyelidikan & Pembangunan, e-learning, Kepimpinan, Akademia, Pengantarabangsaan, Pengajaran & Pembelajaran, Mybrain15, Kebolehpasaran Graduan dan Pembangunan Holistik Pelajar.

Lawatan bertujuan untuk menyemak pencapaian sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Universiti dalam menyokong pelaksanaan PSPTN dan mengenal pasti isu yang berkaitan dengannya. Secara keseluruhannya lawatan kali ini berjalan dengan lancar. UTeM juga telah mencatatkan pencapaian seperti yang disasarkan dengan beberapa KPI dijangkakan akan mencapai sasarannya pada akhir tahun 2010.

Lawatan dua hari ini diakhiri dengan Mesyuarat Penutup yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dan dihadiri oleh semua Ketua CAP di UTeM. Beberapa penemuan hasil daripada semakan dibentangkan dan UTeM akan mengambil tindakan untuk meneruskan fasa 2 pelaksanaan PSPTN dari tahun 2011 hingga 2015.



PERKONGSIAN ILMU UNIVERSITI-INDUSTRI DR. HERMANN BRANDT DI UTeM

15 November 2010: Hubungan strategik di antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan syarikat-syarikat industri gergasi di negara ini diperkukuhkan lagi melalui pelbagai aktiviti bercorak intelektual. Baru-baru ini Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNet) UTeM telah menganjurkan Ceramah Eksekutif yang disampaikan oleh Pengarah Urusan BASF Petronas Chemical Sdn Bhd, Dr. Hermann Brandt di Auditorium Bangunan Canselori, Kampus Induk Durian Tunggal di sini.

Dr. Hermann Brandt yang menyampaikan ceramah bertajuk "Managing Innovation – A Practitioner's Perspective" membicarakan hal-hal semasa serta cabaran berkaitan pengurusan inovasi telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kakitangan akademik universiti ini. Hadir sama pada majlis tersebut Prof. Madya Dr. Chong Kuan Eng Pengarah ICNet UTeM.


Ceramah beliau juga menyentuh keperluan melindungi harta intelek dan mempatenkan inovasi yang telah dibuat untuk mengelakkan kerugian pelaburan serta menjaga kepentingan produk yang telah dibangunkan. Dr. Herman Brandt juga menyarankan supaya pengurusan inovasi dapat dilakukan dengan kaedah yang sebaik mungkin terutamanya universiti supaya tidak berlakunya kerugian di dalam pelaburan yang telah dikeluarkan.

Perkahwinan

Berita@UTeM mengucapkan selamat pengantin baru kepada pasangan berikut yang telah melangsungkan perkahwinan pada bulan November 2010.



Norfiza bt Abu Bakar (Pejabat Naib Canselor, Canselori) bersama pasangannya **Mohd Hailmi bin Mohd Redzuan** selamat diijabkabulkan pada **20 November 2010.**



Mohd Shahril Bin Ahmad Khiar (FKE) bersama pasangannya **Zulaikha bt Md Radzai (Pejabat Antarabangsa, Canselori)** selamat diijabkabulkan pada **5 November 2010.**

Personaliti Pilihan



Engr. Siva Kumar Subramaniam
Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)

Anugerah Peraka Muda bagi Zon Tengah pada Karnival Malaysia Inovatif 2010 anjuran Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) baru-baru ini sememangnya anugerah yang tepat untuk Engr. Siva Kumar Subramaniam. Beliau yang dilahirkan pada 16 Julai 1981 menyertai UTeM pada bulan Disember 2006.

Berasal dari Tanjung Malim Perak, kegigihan Siva Kumar telah menghasilkan pelbagai produk yang mempunyai nilai komersil yang tinggi malah mengungguli pertandingan inovasi sama ada di dalam mahupun di luar negara. Terbaru, produk penyelidikan beliau telah meraih emas di "World Exhibition on Innovation, Research and New Technologies (INNOVA) 2010" Brussels, Belgium. Ciptaan beliau iaitu "Wi-Traffic Light" berjaya melonjakkan nama UTeM di pentas antarabangsa.

Walaupun sibuk dengan tugas harian, Siva Kumar akan melapangkan sedikit masa untuk menonton cerita menarik di panggung wayang. Katanya aktiviti tersebut dapat menghilangkan tekanan serta dapat mencari idea baru untuk projek penyelidikannya di masa hadapan. Beliau yang kini bergelar bapa kepada seorang bayi perempuan yang comel sangat meminati makanan kegemaran rakyat Malaysia iaitu nasi lemak.



Mohd Erwan bin Md Yusop
Penolong Pendaftar
Pejabat Naib Canselor

Dilahirkan pada 15 November 1979, Mohd Erwan bin Md Yusop atau lebih mesra dengan panggilan Erwan memulakan perkhidmatannya di UTeM pada bulan April 2008. Beliau yang ditempatkan di Pejabat Naib Canselor merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sastera (Pengajian Asia Tenggara) dari Universiti Malaya.

Jadual kerja yang sibuk tidak menghalang minat beliau yang suka mengembara melihat keindahan pulau-pulau serta mengenali keunikan budaya, terutama di Negara Asia Tenggara. Beberapa destinasi seperti Bali, Phuket, Pattaya, Corregidor Island, Subic Bay dan Chiang Mai menjadi pilihan beliau untuk menghayati keindahan destinasi tersebut, di samping menghayati budaya masyarakat setempat. Bagi Erwan, pengalaman tersebut amat bermakna, sukar diperolehi dan amat berbeza penghayatannya melalui pembacaan.

Selain mengembara, Erwan gemar meluangkan masa membaca bahan bacaan berunsurkan pengembaraan serta kisah-kisah kejayaan sebagai motivasi untuk dirinya mencapai kejayaan. Sambil merehatkan minda, Erwan juga gemar menonton saluran Travel & Living yang banyak memberikan inspirasi kepada beliau untuk mengembara ke destinasi seterusnya.

KEJOHANAN GOLF PIALA CANSelor

SEMPENA 10 TAHUN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

